

Kompetensi Guru Pendidikan Khas dari Aspek Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap dalam Pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu

(Competence of Special Education Teachers from the Aspects of Knowledge, Skills and Attitudes in Implementation Individual Education Plan)

Ahmad Radenan Mohd Shukri^{1*}, Hasnah Toran¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.

*Pengarang Koresponden: p144691@siswa.ukm.edu.my

Received: 3 January 2026 | Accepted: 1 April 2026 | Published: 15 April 2026

DOI: <https://doi.org/10.55057/ijares.2026.8.3.16>

Abstrak: Rancangan Pendidikan Individu (RPI) merupakan kerangka perancangan pedagogi teras dalam pendidikan khas yang bertujuan memastikan keperluan pembelajaran murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) ditangani secara sistematik dan selaras dengan keupayaan individu. Dalam konteks sistem pendidikan di Malaysia, pelaksanaan RPI merupakan satu keperluan profesional yang perlu dipatuhi oleh guru sebagai sebahagian daripada amalan pengajaran yang bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, pelaksanaan RPI di peringkat sekolah masih berhadapan dengan pelbagai cabaran, khususnya dari segi keupayaan guru untuk memahami, mengaplikasikan dan menghayati prinsip-prinsip RPI dalam amalan pengajaran seharian. Sehubungan itu, tahap kompetensi guru dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap profesional dikenal pasti sebagai faktor penting yang mempengaruhi kualiti pelaksanaan RPI. Kajian ini bertujuan menilai tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru pendidikan khas serta menganalisis hubungan antara ketiga-tiga dimensi kompetensi tersebut dalam konteks pelaksanaan RPI di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan yang melibatkan seramai 86 orang guru pendidikan khas di sekolah-sekolah PPKI di daerah Kuala Krai, Kelantan. Instrumen kajian berbentuk soal selidik berstruktur yang dibangunkan berasaskan Model Kompetensi Spencer (1993) dan telah melalui proses kesahan serta kebolehpercayaan. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif melalui perisian SPSS versi 29.0, manakala ujian korelasi Spearman digunakan bagi menilai kekuatan dan arah hubungan antara pemboleh ubah kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru terhadap pelaksanaan RPI berada pada tahap yang tinggi. Selain itu, analisis korelasi membuktikan wujud hubungan yang signifikan antara ketiga-tiga dimensi kompetensi yang dikaji ($p < .01$), dengan hubungan paling kuat dikenal pasti antara pengetahuan dan kemahiran. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa pelaksanaan RPI yang berkesan menuntut penguasaan kompetensi guru secara menyeluruh dan bersepadu, di samping menyokong keperluan untuk memperkukuh pembangunan profesional guru pendidikan khas secara berterusan. Selain itu implikasi teoritikal kajian ini penting untuk memandu pembinaan model pelaksanaan RPI yang lebih kontekstual, menjelaskan bukan sahaja tahap kompetensi guru, tetapi juga mengapa dan bagaimana kompetensi tersebut diterjemahkan kepada amalan sebenar di bilik darjah. Kajian

lanjutan dicadangkan menggunakan pendekatan kaedah campuran dengan saiz sampel yang lebih besar bagi memperoleh dapatan yang lebih komprehensif dan mendalam.

Kata Kunci: Rancangan Pendidikan Individu, Kompetensi Guru Pendidikan Khas, Pengetahuan, Kemahiran, Sikap

Abstract: *The Individual Education Plan (IEP) is a core pedagogical planning framework in special education that aims to ensure that the learning needs of students with special educational needs (MBPK) are addressed systematically and in line with individual abilities. In the context of the education system in Malaysia, the implementation of IEP is a professional requirement that teachers must comply with as part of responsible teaching practice. However, the implementation of IEP at the school level is still faced with various challenges, especially in terms of the ability of teachers to understand, apply and appreciate the principles of IEP in daily teaching practice. Accordingly, the level of teacher competence in terms of knowledge, skills and professional attitude is identified as an important factor that affects the quality of IEP implementation. This study aims to assess the level of knowledge, skills and attitudes of special education teachers as well as analyze the relationship between the three dimensions of competence in the context of the implementation of IEP in the Integrated Special Education Program (PPKI). This study uses a quantitative approach with a survey design involving a total of 86 special education teachers in PPKI schools in the district of Kuala Krai, Kelantan. The research instrument is in the form of a structured questionnaire developed based on the Spencer Competency Model (1993) and has gone through the process of validity and reliability. Data is analyzed using descriptive statistics through SPSS version 29.0 software, while the Spearman correlation test is used to assess the strength and direction of the relationship between the study variables. The findings of the study show that the level of knowledge, skills and attitudes of teachers towards the implementation of IEP are at a high level. In addition, correlation analysis proves that there is a significant relationship between the three dimensions of competence studied ($p < .01$), with the strongest relationship identified between knowledge and skills. Overall, this finding confirms that the effective implementation of IEP demands a comprehensive and integrated mastery of teacher competence, in addition to supporting the need to continuously strengthen the professional development of special education teachers. In addition, the theoretical implications of this study are important to guide the construction of a more contextual IEP implementation model, explaining not only the level of teacher competence, but also why and how that competence is translated into actual practice in the classroom. Further studies are suggested using a mixed method approach with a larger sample size to obtain more comprehensive and in-depth findings.*

Keywords: Individualized Education Plan (IEP), Special Education Teacher Competency, Knowledge, Skills, Attitudes

1. Pendahuluan

Pendidikan khas yang berkualiti merupakan antara komitmen utama sistem pendidikan di peringkat global dan nasional dalam memastikan hak pendidikan murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) dipenuhi secara adil dan inklusif (UNESCO, 2020). Seiring dengan aspirasi *Education For All*, pendekatan pengajaran berteraskan individualisasi telah diiktiraf sebagai teras strategi pedagogi bagi menangani kepelbagaian keperluan pembelajaran MBPK, sekali gus menuntut perancangan intervensi yang lebih sistematik, terancang dan berfokuskan murid (European Agency for Special Needs and Inclusive Education [EASNIE], 2018). Dalam

kerangka ini, Rancangan Pendidikan Individu (RPI) berperan sebagai instrumen pedagogi utama yang menyepadukan penetapan objektif pembelajaran, pemilihan strategi intervensi serta kaedah penilaian perkembangan murid secara berstruktur dan berterusan.

Di Malaysia, pelaksanaan RPI telah diperkukuh melalui Peraturan-Peraturan Pendidikan Khas (2013) dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2023. Namun, kajian tempatan melaporkan bahawa pelaksanaan RPI di peringkat sekolah masih belum mencapai tahap keberkesanan yang dihasratkan. Antara isu yang dikenal pasti ialah jurang kefahaman guru terhadap konsep dan fungsi RPI, kelemahan dalam menterjemahkan perancangan RPI kepada amalan pengajaran sebenar, serta variasi sikap guru terhadap proses perancangan dan dokumentasi RPI (Rashid & Wong, 2022; Farah Wahidah Md Isa & Hasnah Toran, 2024). Malah, RPI dilaporkan cenderung digunakan sebagai dokumen pentadbiran semata-mata berbanding sebagai panduan pedagogi yang aktif dalam pengajaran harian (Mahdum et al., 2021). Dalam pada itu, terdapat jurang konseptual dari aspek konstruk kajian. Kajian ini menekankan tiga konstruk iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap bagi melihat kompetensi guru secara menyeluruh. Jika dibandingkan kajian Noramilia Amerudin & Hasnah Toran (2024) melihat aspek pengetahuan sahaja. Begitu juga kajian Mohammad Zamri Napis & Khairul Farhah Khairuddin (2023) meneliti aspek kolaborasi kemahiran dan alatan dalam RPI.

Walaupun pelbagai kajian terdahulu telah membincangkan ketiga-tiga aspek ini secara terpisah, penyelidikan empirikal yang meneliti hubungan antara ketiga-tiga konstruk kompetensi tersebut secara serentak, khususnya dalam konteks sekolah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di Malaysia, masih terhad. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti hubungan antara pengetahuan, kemahiran dan sikap guru pendidikan khas dalam pelaksanaan RPI sebagai asas kepada pengukuhan amalan pendidikan khas yang lebih sistematik, berkesan dan berimpak tinggi.

2. Tinjauan Literatur

2.1 Pengetahuan Guru Dalam Pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu

Pengetahuan guru merangkumi kefahaman terhadap konsep, tujuan dan komponen Rancangan Pendidikan Individu (RPI), termasuk keupayaan membina objektif pembelajaran yang realistik, terukur dan berasaskan penilaian diagnostik murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023). Pengetahuan ini merupakan asas kepada perancangan intervensi yang berkesan kerana RPI berfungsi sebagai panduan utama yang menghubungkan keperluan individu murid dengan amalan pengajaran di bilik darjah. Dapatan kajian mendapati guru pra sekolah pendidikan khas dari segi pengetahuan adalah terhad mengenai RPI (Nor Amilia Amerudin & Hasnah Toran, 2024). Keadaan ini disebabkan kekurangan bahan sokongan dan latihan bagi meningkatkan pengetahuan. Dapatan ini selari bahawa pengetahuan yang terhad adalah disebabkan oleh latihan yang tidak berterusan dalam penyediaan RPI. (Farah Wahidah isa & Hasnah Toran, 2024; Nurul Hidayah Ismaila & Rosadah Majidb, 2020). Namun hal ini bertentangan dengan dapatan kajian di China oleh Shao et al. (2022) mendapati walau pun menerima latihan namun sedikit guru yang menguasai pengetahuan RPI berada tahap kefahaman sederhana. Sebaliknya kajian oleh Farah Wahidah Isa & Hasnah Toran (2024) mendapati guru yang menerima latihan tahap pengetahuannya tinggi dan mampu merancang intervensi dalam RPI. Selain itu aspek pengetahuan yang lemah dalam RPI juga dikenalpasti seperti kurang mahir mengumpul data perkembangan murid berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) (Akcin, 2022; Al-Shammari & Hornby, 2019). Dalam kajian lain juga oleh Kozikoglu

dan Albayrak (2022) guru tidak berpengetahuan mengenalpasti tahap prestasi MBPK dan konsep RPI (dalam Kajian Syar Meeze & Mei Ting Wong; 2023).

Secara keseluruhannya, literatur menegaskan bahawa pengetahuan guru perlu difahami sebagai komponen asas yang mesti diintegrasikan secara bersepadu dengan kemahiran dan sikap profesional bagi memastikan RPI berfungsi secara bermakna dan berkesan dalam amalan pengajaran.

2.2 Kemahiran Guru Dalam Pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu

Kemahiran guru dalam pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) merujuk kepada keupayaan menterjemahkan pengetahuan konseptual kepada amalan pedagogi sebenar, khususnya dalam aspek membina objektif pembelajaran yang berfokuskan keperluan murid, melaksanakan penilaian berasaskan kriteria, memilih strategi intervensi yang sesuai serta memantau kemajuan murid secara sistematik dan berterusan. Penguasaan kemahiran ini merupakan prasyarat penting bagi memastikan RPI berfungsi sebagai panduan pengajaran yang aktif dan responsif terhadap keperluan individu murid, bukannya sekadar dokumen perancangan formal; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023). Dapatan kajian ini menunjukkan guru mempunyai kemahiran yang tinggi dalam RPI. Namun begitu kajian oleh Mei Ti Wong & Syarmeeze Mohd Rashid (2022) menyatakan sebaliknya iaitu guru tidak mempunyai tahap kecekapan yang tinggi dalam melaksanakan RPI dari aspek kemahiran penyediaan laporan, kerjasama dan proses penilaian. Hal ini selari dengan kajian oleh Hott et al. (2021) mendapati guru tidak mempunyai kemahiran dalam menyediakan laporan yang lengkap dalam RPI. Dari aspek lain juga mendapati guru tidak mahir dalam menggunakan ujian rujukan kriteria serta kurang berkemahiran mengenalpasti tahap perkembangan murid berkeperluan pendidikan Khas (MBPK) oleh Ackin (2022) dan hal ini selari dengan Al-Shammari & Hornby iaitu sukar membina alat pengukuran terutamanya membangunkan ujian kriteria dalam perkembangan MBPK. Seterusnya, kemahiran penilaian RPI juga mendapati guru kurang mahir dalam membuat penilaian dalam RPI (Groh, 2021). Dalam pada itu kajian oleh Shoa et al. (2022) menyatakan penilaian yang sukar dalam RPI ialah membuat diagnosis. Justeru, kemahiran guru perlu dilihat sebagai komponen teras yang menghubungkan pengetahuan kepada amalan pedagogi, sekali gus memastikan RPI berfungsi secara bermakna sebagai instrumen intervensi pendidikan khas. Oleh itu kecekapan kemahiran membantu pembangunan RPI dalam amalan pengajaran (Nur hidayah Ismaila & Rosadah Abd. Majidb, 2020).

2.3 Sikap Guru Dalam Pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu

Sikap guru merupakan komponen afektif yang memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tahap komitmen, kesediaan dan konsistensi pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI). Berdasarkan Model Kompetensi Spencer (1993), sikap profesional berfungsi sebagai pemacu dalaman yang menentukan sejauh mana seseorang guru bersedia untuk melaksanakan tugas secara berkesan dan berterusan, khususnya dalam konteks pendidikan khas yang menuntut tahap kepekaan dan komitmen yang tinggi (Spencer & Spencer, 1993). Sikap yang positif terhadap RPI mendorong guru untuk melihat RPI bukan sekadar sebagai keperluan pentadbiran, tetapi sebagai instrumen pedagogi yang penting dalam menyokong perkembangan murid berkeperluan pendidikan khas.

Kajian tempatan menunjukkan bahawa sikap positif guru terhadap RPI berkait rapat dengan kesediaan mereka untuk bekerjasama dengan ibu bapa, rakan sejawat dan pihak pentadbiran sekolah, serta kesanggupan menyesuaikan strategi pengajaran mengikut keperluan individu

murid (Syar Meeze Mohd Rashid & Wong Mei Ting, 2022). Dapatan ini selari dengan Rashid dan Wong (2022; 2023) dalam pengkaji yang sama mendapati bahawa guru yang menunjukkan sikap profesional yang positif lebih cenderung melaksanakan RPI secara konsisten, reflektif dan berfokuskan murid, walaupun berhadapan dengan kekangan masa dan beban tugas. Kajian ini diperkuh dengan dapatan yang selari dengan kajian lain menyatakan guru bersikap positif terhadap RPI dan yakin RPI meningkatkan tahap akademik dan prestasi (Ishak Kozikoglu & Ezgi Nur Albayrak, 2022; Nurul Hidayah Ismaila & Rosadah Abd. Majidb, 2020). Secara keseluruhan, literatur menegaskan bahawa sikap guru berfungsi sebagai pemangkin utama yang memperkuh hubungan antara pengetahuan dan kemahiran dalam pelaksanaan RPI. Tanpa sikap profesional yang positif, penguasaan pengetahuan dan kemahiran berisiko tidak diterjemahkan secara optimum dalam amalan pengajaran sebenar. Oleh itu, sikap guru perlu diberi perhatian yang setara dengan pengetahuan dan kemahiran dalam usaha meningkatkan keberkesanan pelaksanaan RPI secara holistik dalam pendidikan khas (Spencer & Spencer, 1993; Rashid & Wong, 2023).

3. Objektif Kajian

Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru terhadap pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI). Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian ini dirangka untuk menjawab persoalan kajian berikut:

- i. Apakah tahap hubungan antara pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI)?

4. Metodologi

Metodologi penyelidikan ialah kerangka perancangan yang memandu proses mereka bentuk, melaksanakan dan menganalisis kajian secara sistematik, dan pemilihannya memainkan peranan penting dalam memastikan dapatan kajian adalah sah, boleh dipercayai serta boleh digeneralisasikan (Adam A. Bahishti, 2022).

4.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan. Reka bentuk ini dipilih kerana berupaya mengumpul data secara sistematik daripada sampel yang besar bagi menilai tahap hubungan antara pengetahuan, kemahiran dan sikap guru pendidikan khas terhadap pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI).

4.2 Sampel Kajian

Dalam kajian ini Seramai 86 orang guru pendidikan khas yang berkhidmat di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di daerah Kuala Krai, Kelantan terlibat sebagai responden kajian. Pemilihan sampel dijalankan menggunakan kaedah persampelan berstrata bagi memastikan representasi responden yang seimbang mengikut kategori yang ditetapkan iaitu melibatkan PPKI sekolah menengah dan rendah. Kefokusan kepada satu daerah membolehkan pengkaji memperoleh data yang lebih mendalam, realiti pelaksanaan di lapangan kerana wujud keseragaman dari segi struktur pentadbiran, sumber, budaya kerja serta pelaksanaan program pendidikan khas. Keadaan ini menjadikan dapatan kajian lebih mudah ditafsir dan diaplikasikan secara langsung oleh pihak berkepentingan seperti Pejabat Pendidikan Daerah, pentadbir sekolah dan guru.

4.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini dibangunkan melalui proses adaptasi dan pengubahsuaian daripada kajian Norfauziyana Mosbiran (2024) serta Rashid dan Wong Mei Ting (2022) yang berkaitan dengan pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI). Instrumen ini direka bentuk bagi mengukur tiga konstruk utama, iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap guru terhadap pelaksanaan RPI. Bagi memastikan kesahan instrumen, kesahan muka telah disemak oleh dua orang guru pakar dalam pendidikan khas yang berkhidmat lebih 20 tahun. Manakala kesahan kandungan telah disemak dan disahkan oleh dua orang pensyarah pakar dalam bidang pendidikan khas yang berkhidmat di Universiti dan Institut Pendidikan Guru. Pengumpulan data kajian pula dilaksanakan secara dalam talian melalui pengedaran borang soal selidik menggunakan platform *Google Forms*.

4.4 Kebolehpercayaan Instrumen

Dari segi ujian kebolehpercayaan instrumen kajian mempunyai tahap kebolehpercayaan yang baik, dengan nilai *Cronbach's alpha* keseluruhan melebihi 0.80, sekali gus menepati kriteria kebolehpercayaan yang diterima dalam penyelidikan sains social berdasarkan kajian rintis yang dijalankan.

4.5 Prosedur Analisis Data

Data kajian dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences 29.0* (SPSS). Analisis statistik deskriptif digunakan bagi memperoleh nilai min dan sisihan piawai bagi setiap konstruk. Memandangkan data tidak memenuhi andaian taburan normal, analisis korelasi Spearman telah digunakan untuk menguji hubungan antara pemboleh ubah. Kajian ini menganalisis hubungan antara pemboleh ubah dijalankan menggunakan pekali korelasi Spearman (r_s). Tafsiran kekuatan hubungan adalah berpandukan panduan yang dikemukakan oleh Pallant (2020), yang mengklasifikasikan nilai pekali korelasi kepada tiga tahap, iaitu hubungan lemah, sederhana dan kuat. Berdasarkan panduan jadual 1 tersebut, nilai korelasi dalam julat 0.10 hingga 0.29 ditafsirkan sebagai hubungan lemah, nilai antara 0.30 hingga 0.49 menunjukkan hubungan sederhana, manakala nilai 0.50 dan ke atas ditafsirkan sebagai hubungan yang kuat dan signifikan. Penjelasan lanjut mengenai dapatan analisis korelasi adalah berdasarkan jadual yang dipersembahkan dalam bahagian dapatan kajian.

Jadual 1: Tafsiran Kekuatan Pekali Kolerasi Berdasarkan Pallant (2020)

Julat Nilai Pekali Korelasi (r/r_s)	Tahap Hubungan	Huraian
0.10-0.29	Lemah	Hubungan rendah
0.30-0.49	Sederhana	Hubungan sederhana
0.50-1.00	Kuat	Hubungan kuat dan bermakna

5. Dapatan Kajian

Dalam dapatan kajian ini akan menjelaskan tentang demografi responden, mengenal pasti hubungan pengetahuan, kemahiran dan sikap mengenai pelaksanaan rancangan pendidikan individu (RPI).

5.1 Analisis Maklumat Demografi Responden

Berdasarkan jadual 2 analisis demografi kajian ini melibatkan 86 orang guru pendidikan khas PPKI di daerah Kuala Krai. Majoriti responden ialah guru perempuan (64 orang; 74.4%) dan berbangsa Melayu (83 orang; 96.5%), mencerminkan demografi tenaga pengajar di kawasan luar bandar. Dari segi umur, sebahagian besar responden berada dalam lingkungan 41–50 tahun

(48 orang; 55.8%), diikuti 31–40 tahun (28 orang; 32.6%), menunjukkan sampel didominasi oleh guru yang matang dan berpengalaman. Selari dengan itu, hampir separuh responden mempunyai pengalaman mengajar 16–25 tahun (42 orang; 48.8%), manakala 35 orang (40.7%) berkhidmat antara 5–15 tahun, menandakan penglibatan berterusan dalam pelaksanaan RPI. Dari aspek kelayakan akademik, majoriti responden memiliki Ijazah Sarjana Muda (82 orang; 95.3%), diikuti Ijazah Sarjana (3 orang; 3.5%) dan Diploma (1 orang; 1.2%). Taburan responden adalah seimbang antara PPKI Rendah dan PPKI Menengah, masing-masing 43 orang (50%), membolehkan dapatan kajian mencerminkan pandangan guru merentas kedua-dua peringkat persekolahan. Secara keseluruhan, profil demografi ini menunjukkan sampel kajian terdiri daripada guru yang berpengalaman, berkelayakan dan relevan, sekali gus mengukuhkan kesesuaian responden dalam menilai kompetensi guru dalam pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu.

Jadual 2: Demografi Responden Guru PPKI

Responden	Indikator	Frekuensi	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	22	25.6
	Perempuan	64	74.4
Bangsa	Melayu	83	96.5
	Cina	3	3.5
	India	-	-
	Lain-lain	-	-
	Umur (tahun)	20-30	1
	31-40	28	32.6
	41-50	48	55.8
	51 ke atas	9	10.5
Tempoh Berkhidmat	5-15	35	40.7
	16-25	42	48.8
	26-35	9	10.5
Kelayakan Akademik Tertinggi	Lain-lain	-	-
	Diploma	1	1.2
	Sarjana Muda	82	95.3
	Master	3	3.5
	PHD	-	-
Jenis Program	PPKI Rendah	43	50
	PPKI Menengah	43	50

5.2 Hubungan Antara Pengetahuan dan Kemahiran Terhadap Pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu.

Hasil analisis korelasi Spearman daripada jadual 3 menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang kuat dan signifikan antara tahap pengetahuan dan kemahiran guru pendidikan khas dalam pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI), dengan nilai pekali korelasi $r_s = .68$, $p < .01$. Dapatan ini mengesahkan bahawa penguasaan pengetahuan guru berkaitan konsep, prosedur dan prinsip RPI berkait rapat dengan keupayaan mereka menterjemahkan pengetahuan tersebut ke dalam amalan praktikal, termasuk merangka objektif pembelajaran, memilih strategi intervensi yang sesuai serta melaksanakan penilaian berasaskan data secara sistematik. Keputusan ini membawa kepada penolakan hipotesis nol (H_{01}), sekali gus mengesahkan bahawa pengetahuan merupakan prasyarat penting kepada pembentukan kemahiran profesional guru dalam konteks pelaksanaan RPI. Secara konseptual, dapatan ini menyokong pandangan bahawa pengetahuan tanpa keupayaan aplikasi tidak mencukupi untuk

menjamin keberkesanan intervensi pendidikan khas. Guru yang memahami asas teori dan garis panduan RPI cenderung lebih cekap dalam mengaplikasikan amalan pedagogi yang bersifat individualisasi dan responsif terhadap keperluan MBPK.

5.3 Hubungan antara Pengetahuan dan Sikap Guru terhadap Pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu

Berdasarkan dapatan analisis korelasi daripada jadual 3 menunjukkan wujud hubungan positif yang signifikan pada tahap sederhana antara pengetahuan dan sikap guru terhadap pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI), dengan nilai pekali korelasi Spearman $r_s = .52, p < .01$. Dapatan ini mengisyaratkan bahawa peningkatan tahap pengetahuan guru berkait dengan kecenderungan untuk mempamerkan sikap yang lebih positif, khususnya dari segi kesediaan, komitmen serta keyakinan terhadap peranan RPI sebagai instrumen pedagogi yang penting dalam pendidikan khas.

Berdasarkan dapatan ini, hipotesis nol (H_{02}) berjaya ditolak. Demikian, kekuatan hubungan yang berada pada tahap sederhana menunjukkan bahawa pembentukan sikap guru tidak boleh dijelaskan melalui faktor pengetahuan semata-mata. Sebaliknya, ia turut dipengaruhi oleh unsur kontekstual seperti bebanan tugas, tahap sokongan organisasi dan pengalaman profesional. Keadaan ini menunjukkan bahawa usaha memperkukuh pengetahuan perlu dilengkapi dengan persekitaran kerja yang menyokong agar sikap positif dapat dizahirkan secara konsisten dalam amalan pengajaran harian.

5.4 Hubungan antara Kemahiran dan Sikap Guru terhadap Pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu

Dapatan kajian berdasarkan jadual 3 turut memperlihatkan hubungan positif yang kuat dan signifikan antara kemahiran dan sikap guru dalam pelaksanaan RPI, ini dapat dilihat dengan nilai pekali korelasi $r_s = .61, p < .01$. Rumusan Keputusan ini menunjukkan bahawa guru yang memiliki kemahiran praktikal yang mantap dalam merancang, melaksanakan dan menilai RPI cenderung untuk menunjukkan sikap yang lebih positif terhadap pelaksanaan dokumen tersebut. Sehubungan itu, hipotesis nol (H_{03}) ditolak, menandakan bahawa kemahiran aplikasi memainkan peranan kritikal dalam membentuk sikap profesional guru. Dapatan ini memberikan implikasi penting bahawa pengalaman kejayaan dalam melaksanakan RPI secara berkesan dapat meningkatkan keyakinan dan motivasi guru. Dalam konteks ini, kemahiran bukan sahaja berfungsi sebagai keupayaan teknikal, tetapi juga sebagai pemangkin kepada pembentukan sikap positif dan profesionalisme guru pendidikan khas.

Jadual 3: Hubungan antara pembolehubah berdasarkan Korelasi Spearman dalam melaksanakan RPI

Hubungan antara Pembolehubah	Nilai r	Aras Hubungan	Signifikan (p)	Keputusan Ujian
Pengetahuan ↔ Kemahiran	.68	Kuat	$P < .01$	Ho ditolak
Pengetahuan ↔ Sikap	.52	Kuat	$P < .01$	Ho ditolak
Kemahiran ↔ Sikap	.61	Kuat	$P < .01$	Ho ditolak

5.5 Rumusan Dapatan Hubungan

Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa kompetensi guru dalam pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) terbina melalui interaksi antara tiga konstruk utama, iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap. Dapatan analisis menunjukkan bahawa hubungan yang paling dominan wujud antara pengetahuan dan kemahiran, diikuti oleh hubungan antara kemahiran dan sikap, manakala hubungan antara pengetahuan dan sikap berada pada tahap sederhana. Pola ini mencerminkan bahawa pembentukan kompetensi profesional guru

bukanlah suatu proses yang berlaku secara linear atau serta-merta, sebaliknya berkembang secara berperingkat melalui pengalaman dan amalan reflektif. Penguasaan pengetahuan berfungsi sebagai asas konseptual yang membolehkan guru mengaplikasikan kemahiran secara berkesan dalam konteks bilik darjah, manakala penglibatan berterusan dalam pelaksanaan RPI pula menyumbang kepada pembentukan sikap profesional yang lebih kukuh, positif dan berdaya tahan terhadap tuntutan serta cabaran pelaksanaan di peringkat sekolah.

6. Perbincangan

Secara keseluruhan kajian ini bertujuan melihat hubungan antara pengetahuan, kemahiran dan sikap guru pendidikan khas terhadap pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) di sekolah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Dapatan kajian membuktikan bahawa ketiga-tiga konstruk kompetensi guru saling berkait secara signifikan dan berfungsi sebagai asas utama kepada keberkesanan pelaksanaan RPI. Penemuan ini mengesahkan bahawa RPI tidak wajar ditanggapi sekadar sebagai keperluan dokumentasi atau pematuhan dasar, sebaliknya merupakan instrumen pedagogi yang keberkesanannya bergantung secara langsung kepada tahap kompetensi profesional guru yang melaksanakannya (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2023; Rashid & Wong, 2023).

Hubungan positif yang kuat antara pengetahuan dan kemahiran guru menunjukkan bahawa kefahaman terhadap konsep, prosedur dan prinsip RPI. Guru yang menguasai asas penilaian berasaskan kriteria dan prinsip pembelajaran berpusatkan murid didapati lebih cekap membina objektif pembelajaran yang realistik dan merancang intervensi bersasar. Dapatan ini bertepatan dengan kajian Rashid dan Wong (2023) serta Farah Wahidah Md Isa dan Hasnah Toran (2024) yang menegaskan bahawa kelemahan pengetahuan asas RPI menyumbang kepada kesukaran guru menterjemahkan dokumen RPI kepada amalan pengajaran sebenar. Persekitaran organisasi sekolah, khususnya dari segi tuntutan tugas pentadbiran, kekangan masa dan sokongan institusi, didapati memainkan peranan penting dalam membentuk tahap kesediaan, persepsi dan komitmen guru terhadap pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) (Fullan, 2016; Hassan et al., 2022).

Dapatan ini menjelaskan mengapa sebahagian guru yang berpengetahuan masih menunjukkan sikap ambivalen terhadap RPI, terutamanya apabila pelaksanaannya dilihat lebih berorientasikan pemantauan berbanding sokongan pedagogi (Halimah & Azhar, 2022). Sebaliknya, hubungan yang kuat antara kemahiran dan sikap guru menunjukkan bahawa pengalaman aplikasi amali merupakan pemangkin utama kepada pembentukan sikap profesional yang positif. Guru yang mahir melaksanakan RPI memberi impak langsung terhadap perkembangan MBPK untuk menunjukkan tahap keyakinan, motivasi dan komitmen yang lebih tinggi terhadap pelaksanaan RPI. Penemuan ini menyokong kerangka Teori Kompetensi Spencer dan Spencer (1993) yang menekankan bahawa kecekapan aplikasi memperkukuh dimensi afektif individu. Hal ini sejajar dengan dapatan kajian antarabangsa yang menunjukkan bahawa kejayaan pelaksanaan RPI meningkatkan kepercayaan guru terhadap keberkesanan intervensi berasaskan keperluan individu (Donaire et al., 2024). Seterusnya, implikasi praktikal dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek latihan guru, sokongan pentadbiran dan penggubalan dasar saling berkait dalam menentukan keberkesanan Rancangan Pendidikan Individu. Oleh itu, latihan guru perlu dirancang secara sistematik dan berfokus bagi meningkatkan kompetensi dalam pelaksanaan RPI (florian & Camedda, 2020; Mitchell, 2020). Dari segi pentadbiran sekolah pula perlu menyediakan sokongan kepimpinan instruksional, masa perancangan bagi mengurangkan tugas guru

(Hallenger & Walker, 2021; Ainscow, 2020). Akhir sekali, penggubal dasar disaran memperkukuh garis panduan, penyediaan sumber dan mekanisme pemantauan pelaksanaan pendidikan khas (UNESCO, 2020; Sharma, Loreman & Forlin, 2021).

7. Kesimpulan

Kajian ini membuktikan bahawa pengetahuan, kemahiran dan sikap guru pendidikan khas saling berkait secara signifikan dalam menentukan keberkesanan pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI). Hubungan yang kuat antara pengetahuan dan kemahiran menunjukkan bahawa penguasaan konsep RPI menjadi asas kepada amalan pengajaran yang berkesan, manakala hubungan sederhana antara pengetahuan dan sikap mencerminkan pengaruh faktor persekitaran kerja. Hubungan yang kuat antara kemahiran dan sikap pula menegaskan kepentingan pengalaman praktikal dalam membina komitmen guru terhadap pelaksanaan RPI. Dari sudut implikasi, dapatan ini menekankan keperluan pembangunan profesional guru secara holistik dan berasaskan amalan agar RPI tidak sekadar menjadi dokumen pematuhan. Kajian lanjutan dicadangkan melibatkan sampel yang lebih besar, pelbagai konteks serta pendekatan kaedah campuran bagi mengukuhkan kebolegunaan dapatan kajian. Dalam pada itu juga, kajian pembangunan modul latihan intervensi dalam pendidikan khas boleh diketengahkan untuk memacu kemantapan pelaksanaan RPI yang lebih efektif.

Penghargaan

Pengkaji menyampaikan penghargaan kepada *supervisor* kerana membimbing sehingga menghasilkan artikel ini dan tidak lupa kawan-kawan yang sama-sama memberikan idea kepada penulisan artikel ini.

Pernyataan Konflik Kepentingan

Kajian ini dijalankan adalah bagi mendapatkan maklumat tentang kompetensi guru dalam rancangan pendidikan individu dan tiada kepentingan lain dalam kajian ini.

Rujukan

- Akcin, F. N. (2022). Identification of the processes of preparing individualized education programs (IEP) by special education teachers, and of problems encountered therein. *Educational Research and Reviews*, 17(1), 31–45. <https://doi.org/10.5897/ERR2021.4217>
- Almoghyrah, H. (2021). The challenges of implementing individualised education plans with children with Down syndrome at mainstream schools in Riyadh, Saudi Arabia: Teachers' perspectives. *International Journal of Disability, Development and Education*, 1–23. <https://doi.org/10.1080/1034912X.2020.1870666>
- Al-Shammari, Z., & Hornby, G. (2019). Special education teachers' knowledge and experience of IEPs in the education of students with special educational needs. *International Journal of Disability, Development and Education*, 66(2), 167–181. <https://doi.org/10.1080/1034912X.2019.1620182>
- Baglama, B., Demirok, M. S., & Akcamete, G. (2019). Special education teachers' attitudes towards developing individualized education programs and challenges in this process. *Near East University Online Journal of Education*, 2(1), 48–58. <https://doi.org/10.32955/neuje.v2i1.136>

- Concepcion, R. M., Abaya, D. O., & Magaya, A. D.K. (2025). Bridging Knowledge and Practice: Special Education Teachers' Role in Individualized Education Plan Development. *Journal of Education, Learning, and Management*, 2(1), 92–99.
- Donaire, R. M., & Diaz, A. (2024). Effectiveness of individualized education plans on academic achievement of special education learners. *International Journal for Multidisciplinary Research*, 5(3), 112–125.
- Farah Wahidah Md Isa, & Hasnah Toran. (2024). Exploring parental involvement in the development of individualized education plans. *International Journal of Academic Research in Education*, 10(2), 41–52.
- Govindasamy, S. (2021). Tahap pengetahuan dan sikap guru arus perdana terhadap pendidikan inklusif di Malaysia. *International Journal of Inclusive Education*, 9(2), 34–45.
- Groh, A. (2021). *Challenges that general education teachers face when implementing the IEP* (Master's thesis). Purdue University Graduate School.
- Karaca, M. A., Toprak, H. H., & Cikili, Y. (2020). An investigation of the Turkish preservice teachers' attitudes towards individualized education program development process. *Journal of Education and Practice*, 11(16), 88–98. <https://doi.org/10.7176/JEP/11-16-11>
- Kefallinou, A., Symeonidou, S., & Watkins, A. (2023). Inclusive education in Europe: Teachers' knowledge, attitudes, and practices in IEP implementation. *European Journal of Special Needs Education*, 38(4), 562–578.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). *Buku panduan Rancangan Pendidikan Individu (Edisi Kedua)*. Bahagian Pendidikan Khas.
- Kozikoğlu, I., & Albayrak, E. N. (2022). Teachers' attitudes and the challenges they experience concerning individualized education program (IEP): A mixed method study. *Participatory Educational Research*, 9(1), 98–115. <https://doi.org/10.17275/per.22.6.9.1>
- Mustafa, M., Aziz, A., & Saad, N. (2024). IEP as a transition planning tool for special needs students in Malaysian schools. *Journal of Contemporary Human Resource*, 12(1), 33–45.
- Nor Fauziyana Mosbiran. (2024). *Tinjauan kompetensi guru dalam penyediaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) di sekolah pendidikan khas* (Master's thesis). Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Norazmi Nordin, Mohamad Azlan, & Haris, M. (2024). Pemerkasaan RPI sebagai pelan intervensi dalam pembelajaran murid berkeperluan pendidikan khas. *Journal of Special Education Malaysia*, 14(1), 23–35.
- Pallant, J. (2020). *SPSS Survival Manual: A Step-by-Step Guide to Data Analysis using IBM SPSS* (7th ed.). McGraw-Hill Education.
- Rashid, S. M. M., & Wong, M. T. (2022). Special education teachers' competency and challenges in IEP implementation: A systematic review. *Journal of Special Education Research*, 8(2), 45–59.
- Shao, L. Y., Zhou, X. L., Huang, X., & Deng, J. Y. (2022). Investigation and research on the current situation of IEP formulation and implementation in Guangxi special education schools. *Adult and Higher Education*, 4, 114–126. <https://doi.org/10.23977/aduhe.2022.040214>
- Spencer, L. M., & Spencer, S. M. (1993). *Competence at work: Models for superior performance*. John Wiley & Sons.